

KENYATAAN AKHBAR

53 PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN DI PULAU PINANG IKRAR SOKONG CITP

Perkongsian Awam-Swasta Percepatkan Transformasi Industri Pembinaan

PULAU PINANG, 25 April 2017: Dalam usaha untuk mempercepatkan transformasi industri pembinaan, 53 penggiat industri di Pulau Pinang hari ini menzahirkan komitmen menyokong Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP), agenda nasional holistik dan komprehensif yang dilancarkan pada 2015 untuk menerajui pembangunan keseluruhan dan hala tuju masa depan sektor pembinaan Malaysia.

Ini kali pertama peserta industri pembinaan di Pulau Pinang menandatangani Akujanji CITP yang telah dimeterai oleh 219 pemimpin industri dari seluruh negara. Majlis tandatangan yang berlangsung sempena seminar CITP bersama penggiat industri disaksikan oleh Datuk Haji Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, dan Puan Sr. Sariah Abdul Karib, Pengurus Besar Kanan Sektor Korporat dan Bisnes, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Malaysia.

Pada majlis yang signifikan untuk industri tersebut, 53 pemaju, pengeluar, kontraktor dan agensi kerajaan menyatakan komitmen mereka untuk merealisasikan CITP dan menyenaraikan inisiatif-inisiatif khusus untuk transformasi yang akan dilaksanakan masing-masing berdasarkan empat teras strategik CITP.

“Kami gembira melihat para penggerak industri di Pulau Pinang tampil dan menyertai perjalanan transformasi kami. Komitmen mereka untuk mengubah aktiviti

dan proses bisnes berpaksikan standard dalam CITP akan akhirnya meningkatkan status dan prestasi industri pembinaan Malaysia,” kata Datuk Haji Sarani dalam ucapan beliau..

“Yang penting, sektor pembinaan adalah satu sektor utama di Malaysia yang memangkin pembangunan lebih daripada 120 jenis industri. Industri pembinaan yang berkebolehan, berkualiti tinggi dan efisien adalah penting untuk menarik pelaburan. Dalam tahun 2016 sahaja, terdapat sejumlah 6,305 projek pembinaan dengan nilai sebanyak RM166.4 bilion di Malaysia dan ini sekali lagi, mencerminkan magnitud dan impak sektor pembinaan dalam negara. Oleh itu, kena pada masanya kami menggerakkan para penggiat industri supaya menerima pakai CITP dan meningkatkan standard industri pembinaan Malaysia,” tambah beliau.

CITP yang dilancarkan pada 10 September 2015 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak merupakan agenda nasional bagi mentransformasikan industri pembinaan menjadi moden, berproduktiviti tinggi dan mampan. Ia adalah sebahagian penting daripada Rancangan Malaysia Ke-11 yang menyokong Agenda Transformasi Nasional untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Digubal oleh Kementerian Kerja Raya dan CIDB, CITP mempunyai empat teras strategik, iaitu Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme, Kelestarian Alam Sekitar, Produktiviti dan Pengantarabangsaan, bersama 20 inisiatif yang dikenal pasti untuk menangani cabaran khusus dalam industri pembinaan.

Susulan majlis tandatangan hari ini, sejumlah 272 organisasi telah menyatakan sokongan untuk CITP sejak inisiatif Akujanji CITP dilancarkan pada 2015 dengan penglibatan lebih daripada 86 organisasi. Momentum diteruskan pada 2016 dengan sokongan 20 pemaju utama daripada Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REDHA), 6 pemaju di Cyberjaya dan 107 organisasi di Malaysia Timur merangkumi Sabah dan Sarawak. Majlis hari ini merupakan yang ke-sembilan seumpamanya setakat ini.

“Kami gembira CITP berjaya membina momentum dan menerap perubahan dalam industri pembinaan. Setakat 2016, daripada 96 KPI yang digariskan bawah CITP, 62 telah melebihi sasaran 90% atau lebih dari itu, manakala 25 KPI telah mencapai 61% hingga 89%. Pada keseluruhannya, kami berada di landasan yang tepat untuk mentransformasi industri pembinaan Malaysia menjelang 2020,” kata Puan Sr. Sariah.

Antara pencapaian utama setakat ini termasuk kejayaan CIDB meyakinkan lebih 20 pemaju besar menerima pakai alat penarafan pelepasan karbon MyCREST (*Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool*) – pemboleh penting dalam teras Kelestarian Alam Sekitar di bawah CITP. MyCREST bertujuan mengukur dan mengurangkan pelepasan karbon dalam sektor pembinaan serta membimbing penggiat industri termasuk pemaju dalam reka bentuk, membina dan mengendalikan bangunan secara mampan dan berkarbon rendah.

Selaras itu, CIDB telah melatih lebih daripada 120 penilai QLASSIC untuk menyokong usaha CIDB menilai projek mengikut panduan QLASSIC -- sistem skor yang mengukur dan menilai tahap kualiti pembinaan bangunan berdasarkan Standard Industri Pembinaan (CIS).

Sementara itu, kadar setinggi 70% penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam pelaksanaan projek kerajaan juga memberi isyarat kepada penggiat industri untuk terus melabur dalam teknologi pembinaan moden. Mereka juga sering didedahkan kepada pasaran global melalui penyertaan dalam 74 projek luar negara yang difasilitasikan oleh CIDB Malaysia.

Dari segi modal insan, sektor pembinaan menggunakan kira-kira 15% pengeluaran pembuatan negara dan menyumbang 9.5 peratus tenaga kerja dengan sejumlah 1.2 juta pekerja berdaftar. Mengikut statistik rasmi, 75% adalah warga tempatan termasuk ahli profesional seperti jurutera, arkitek dan juruukur, menunjukkan sektor tersebut memainkan peranan penting dalam meningkatkan keseluruhan tahap pendapatan rakyat.

“Di CIDB, kami akan meneruskan kolaborasi dengan rakan strategik daripada sektor awam dan swasta untuk mempercepatkan transformasi industri pembinaan seperti yang digariskan di bawah CITP. Kami percaya jika kita bekerjasama untuk memacu inisiatif yang terkandung dalam pelbagai teras strategik, kita boleh membangun sektor pembinaan yang dapat menyampaikan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dalam persekitaran yang selamat dan mampan. Inilah yang akan membantu sektor pembinaan menjadi antara penyumbang utama kepada transformasi sosio-ekonomi negara,” kata Puan Sr. Sariah.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa

rakis@cidb.gov.my

012-620 0360 / 03-4047 7018

Noryani Ismail

noryani@cidb.gov.my

019-285 6867 / 03-4047 7027

#####